YAYASAN SELANGOR
197001000833 (10096-K)

E-NEWSLETTER

PENDIDIKAN UNGGUL : MENGUPAYA INSAN, MEREALISASI WAWASAN



YAYASAN SELANGOR DINOBATKAN JOHAN PERBARISAN HARI KEBANGSAAN KE-69 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Kontinjen Yayasan Selangor berjaya merangkul gelaran Johan Kategori Swasta/NGO/GLC/Badan Berkanun sempena Perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-69 Peringkat Negeri Selangor 2026, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000.



SELidik 2026: RM3.5 JUTA DIPERUNTUKKAN BAGI MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI SELANGOR

Sebanyak RM3.5 juta diperuntukkan menerusi Geran Penyelidikan dan Inovasi Pembangunan Negeri Selangor (SELidik) 2026 yang dilancarkan oleh Yayasan Selangor menerusi STANDCO Pendidikan Negeri Selangor bagi memperkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi negeri. Daripada jumlah tersebut, RM2.5 juta diperuntukkan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) dan Universiti Selangor (UNISEL), manakala RM1 juta disediakan bagi menyokong pelaksanaan penyelidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

E-NEWSLETTER



AGENDA

LAMAN 7

YAYASAN SELANGOR PERKUKUH JARINGAN STRATEGIK BERSAMA ICYM, TEROKA PELUANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA ANTARABANGSA

Usaha memperluas akses pendidikan dan peluang kerjaya kepada anak Selangor terus diperkasa menerusi lawatan kerja Yayasan Selangor ke Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (ICYM) pada 23 Julai 2026 bagi meneroka potensi kerjasama strategik dalam pembangunan modal insan.

LAMAN 12

SELIDIK 2026: RM3.5 JUTA PACU PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI DI SELANGOR

Ekosistem penyelidikan dan inovasi Negeri Selangor terus diperkukuh menerusi pelancaran Geran Penyelidikan dan Inovasi Pembangunan Negeri Selangor (SELidik) 2026 dengan peruntukan RM3.5 juta bagi memacu pembangunan negeri berasaskan ilmu, penyelidikan berkualiti dan penyelesaian inovatif yang memberi manfaat kepada rakyat.

LAMAN 14

YAYASAN SELANGOR PERKUKUH HUBUNGAN STRATEGIK BERSAMA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI

Hubungan strategik antara Yayasan Selangor dan Pentadbiran Kerajaan Negeri terus diperkukuh menerusi kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad kepada YBhg. Dato' Amirul Azizan Abd Rahim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan).

LAMAN 17

400 PELAJAR DIRAI DALAM MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR

Seramai 400 pelajar cemerlang diraikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Yayasan Selangor (AKPYS) bagi Sesi Akademik 2023 dan 2024 sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik, kesungguhan dan potensi mereka dalam bidang pendidikan.



MEMBUDAYAKAN ASRAMA SELAMAT, BEBAS BULI

Usaha membanteras gejala buli dan membudayakan sikap saling menghormati diperkukuh menerusi Program Cegah Buli di bawah Kempen Asrama Selamat Yayasan Selangor, anjuran Asrama Yayasan Selangor Klang dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan.



Program ini memberi penekanan terhadap kesedaran pencegahan buli, pembentukan sahsiah dan pemantapan disiplin murid, sekali gus memperkukuh kerjasama strategik Yayasan Selangor dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memastikan persekitaran asrama yang selamat, harmoni dan kondusif.





YAYASAN SELANGOR, ASIA e UNIVERSITY TEROKA KERJASAMA STRATEGIK PERKASA BAKAT MASA HADAPAN



Usaha memperkasa pembangunan modal insan Selangor terus dipergiat apabila Yayasan Selangor meneroka potensi kerjasama strategik bersama Asia e University (AeU) dan rakan strategiknya dalam bidang pendidikan, kemahiran digital, latihan profesional serta keusahawanan.

Pertemuan yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad, memberi tumpuan kepada pembangunan program latihan berimpak tinggi, peluasan jaringan kerjasama antarabangsa serta peningkatan akses pendidikan dan pensijilan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri semasa.

Inisiatif ini dijangka membuka peluang baharu kepada pelajar, graduan dan golongan belia untuk meningkatkan kompetensi, kebolehpasaran serta daya saing dalam menghadapi perubahan landskap pekerjaan dan ekonomi digital.

Kerjasama yang diteroka ini merupakan langkah strategik ke arah memperkukuh ekosistem pendidikan dan pembangunan bakat Selangor, sejajar dengan aspirasi melahirkan modal insan berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan bersedia memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan.



KERJASAMA STRATEGIK INSEL DAN JAIS PERKUKUH KEBAJIKAN PELAJAR YAYASAN SELANGOR

Kebajikan dan keselamatan pelajar Asrama Yayasan Selangor Klang (AYSK) terus menjadi keutamaan menerusi kerjasama strategik bersama Institut Pemberdayaan Ummah (INSEL), Kampung Jawa, Klang dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam memastikan kelangsungan penempatan pelajar sepanjang tempoh kerja-kerja pembaikan fasiliti asrama sehingga Mei 2026.

Menerusi kerjasama ini, INSEL telah menyediakan kemudahan penginapan sementara yang selamat dan selesa, manakala JAIS turut memainkan peranan penting dalam menyokong aspek kebajikan serta kesejahteraan pelajar sepanjang tempoh tersebut.

Yayasan Selangor merakamkan penghargaan kepada kedua-dua institusi atas komitmen dan sokongan yang diberikan. Kerjasama ini mencerminkan kekuatan sinergi antara agensi dalam memastikan kebajikan pelajar terpelihara serta kelangsungan pendidikan tidak terjejas, selaras dengan aspirasi memperkukuh ekosistem pendidikan yang inklusif dan berkualiti di Selangor.





YAYASAN SELANGOR TEROKA KERJASAMA STRATEGIK PERKASA KEMAHIRAN HOSPITALITI BELIA SELANGOR

Peluang pembangunan kemahiran dan kerjaya belia Selangor terus diperluas menerusi Sesi Perbincangan Awal Program Hospitaliti Belia Selangor yang berlangsung di Kampus STDC Kuala Selangor, melibatkan kepimpinan SELTEC, DHS Hospitality Academy dan STDC.



Perbincangan ini memberi tumpuan kepada kerjasama strategik dalam aspek promosi, pengukuhan jaringan industri serta penyaluran pelajar dan alumni bidang teknikal untuk menyertai program latihan hospitaliti yang menawarkan penajaan penuh.

Inisiatif ini berpotensi membuka laluan kerjaya baharu kepada belia Selangor melalui latihan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing mereka dalam sektor hospitaliti.

Kerjasama yang diteroka ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam memperkasa pembangunan modal insan melalui pendidikan dan latihan berorientasikan industri bagi melahirkan tenaga kerja mahir yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan.



YAYASAN SELANGOR PERKUKUH JARINGAN STRATEGIK BERSAMA ICYM, TEROKA PELUANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA ANTARABANGSA



Usaha memperluas akses pendidikan dan peluang kerjaya kepada anak Selangor terus diperkasa menerusi lawatan kerja Yayasan Selangor ke Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (ICYM) pada 23 Julai 2026 bagi meneroka potensi kerjasama strategik dalam pembangunan modal insan.

Lawatan ini merangkumi sesi taklimat, tinjauan fasiliti serta perbincangan bersama pihak ICYM dengan penglibatan DHS Hospitality Academy, khususnya dalam bidang pendidikan, latihan kemahiran dan pembangunan kerjaya berorientasikan industri.



Kerjasama yang diteroka berpotensi membuka laluan pendidikan dan kerjaya antarabangsa, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan serta melahirkan tenaga kerja mahir yang memenuhi keperluan industri tempatan dan global.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam memperkukuh jaringan institusi pendidikan dan industri bagi menyediakan peluang pembangunan bakat yang lebih luas, inklusif dan berdaya saing kepada generasi masa hadapan Selangor.



YAYASAN SELANGOR, ALFA UNIVERSITY COLLEGE TEROKA KERJASAMA PERLUAS AKSES PENDIDIKAN TINGGI

Peluang pendidikan tinggi dan pembangunan kemahiran anak Selangor terus diperkasa menerusi penerokaan kerjasama strategik antara Yayasan Selangor dan ALFA University College (AUC), selaras dengan aspirasi Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026–2030.

Perbincangan memberi tumpuan kepada akses 62 program pengajian di peringkat diploma hingga Doktor Falsafah (PhD), pembangunan kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta kursus profesional yang memenuhi keperluan industri semasa.

Potensi kerjasama turut merangkumi cadangan bantuan pendidikan seperti biasiswa, Bantuan Sara Hidup dan pengiktirafan pengalaman kerja melalui Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL), bagi membuka lebih banyak laluan pendidikan kepada pelbagai golongan masyarakat.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam merealisasikan aspirasi Pendidikan Untuk Semuamelalui peluasan akses pendidikan yang inklusif, sekali gus melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan berdaya saing demi kemajuan negeri Selangor.







YAYASAN SELANGOR, TOURISM SELANGOR PERKUKUH KERJASAMA LAHIR TENAGA MAHIR INDUSTRI HOSPITALITI

Yayasan Selangor bersama Tourism Selangor telah mengadakan sesi perbincangan bagi meneliti perkembangan pelaksanaan Program Hospitaliti Belia Selangor serta memperkukuh kerjasama dalam melahirkan tenaga kerja mahir dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan industri hospitaliti dan pelancongan negeri.



Program ini turut melibatkan DHS Hospitality Academy sebagai rakan strategik Yayasan Selangor yang menyediakan latihan berasaskan industri, merangkumi kemahiran teknikal, amalan terbaik sektor hospitaliti dan pembangunan kemahiran insaniah peserta.

Perbincangan ini turut menjadi platform untuk memperhalusi pelaksanaan program serta meneroka peluang kerjasama baharu bagi memperluas akses belia kepada latihan berkualiti, meningkatkan kebolehpasaran graduan dan membuka lebih banyak peluang kerjaya.



Yayasan Selangor komited untuk terus memperkasa pembangunan modal insan melalui kerjasama strategik yang mampan, selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor dalam melahirkan generasi belia yang kompeten, berkemahiran tinggi dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.





YAYASAN SELANGOR PERKUKUH PERANAN STRATEGIK DALAM PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI NEGERI

Komitmen memperkasa ekosistem penyelidikan dan inovasi Selangor terus diperkukuh menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan, Pengurusan dan Pemantauan Geran Penyelidikan dan Inovasi Pembangunan Negeri Selangor (SELidik) Kali Pertama yang berlangsung di Universiti Islam Selangor (UIS) pada 28 Julai 2026, dengan penglibatan Yayasan Selangor sebagai antara agensi yang menyokong agenda pembangunan pendidikan dan modal insan negeri.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Encik Mohd Hidayat Mohd Sauffi, Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor, memberi tumpuan kepada penilaian dan perakuan kertas cadangan penyelidikan sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk Geran SELidik. Turut hadir ialah wakil Yayasan Selangor, UIS, Universiti Selangor (UNISEL) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Dengan peruntukan RM3.5 juta bagi tahun 2026, Geran SELidik merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Selangor untuk merancakkan penyelidikan berimpak tinggi yang menyokong pertumbuhan ekonomi, kelestarian dan kesejahteraan rakyat. Daripada jumlah tersebut, RM2.5 juta diperuntukkan kepada UIS dan UNISEL, manakala RM1 juta bagi penyelidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Penglibatan Yayasan Selangor dalam inisiatif ini memperkukuh peranannya sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam menghubungkan agenda pendidikan, penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Kerjasama rentas agensi dan institusi pengajian tinggi ini diharap dapat menghasilkan penyelesaian inovatif yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat, sekali gus menyumbang kepada pembangunan Selangor yang mampan, inklusif dan berdaya saing.



YAYASAN SELANGOR PERKUKUH SOKONGAN AKADEMIK DAN SAHSIAH MURID PROGRAM BITARA MENJELANG SPM 2026



Sokongan berterusan terhadap kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah murid terus diperkukuh menerusi kunjungan Yayasan Selangor ke Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM) sempena Majlis Restu Ilmu pada 6 Ogos 2026, khusus bagi menyantuni murid Program Bitara yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2026.

Kunjungan yang diketuai oleh Pengurus Bahagian Pengurusan Operasi Pendidikan, Puan Sabariah binti Abdul, memberi tumpuan kepada sokongan moral, motivasi dan persediaan menghadapi peperiksaan kepada tiga murid tajaan Program Bitara Yayasan Selangor, sekali gus menyuntik keyakinan mereka untuk mencapai keputusan cemerlang.



Program ini turut memperkukuh hubungan strategik antara Yayasan Selangor dan KYSM dalam menyediakan ekosistem pendidikan berkualiti yang menekankan keseimbangan pencapaian akademik, pembentukan sahsiah serta pembangunan potensi kepimpinan murid.
Menerusi Program Bitara, Yayasan Selangor terus memainkan peranan penting dalam membangunkan bakat berpotensi tinggi melalui akses pendidikan dan sokongan berterusan, selaras dengan aspirasi melahirkan generasi berilmu, berdaya saing dan berkeupayaan menyumbang kepada pembangunan negeri Selangor serta negara.



SELidik 2026: RM3.5 JUTA PACU PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI DI SELANGOR



Ekosistem penyelidikan dan inovasi Negeri Selangor terus diperkukuh menerusi pelancaran Geran Penyelidikan dan Inovasi Pembangunan Negeri Selangor (SELidik) 2026 dengan peruntukan RM3.5 juta bagi memacu pembangunan negeri berasaskan ilmu, penyelidikan berkualiti dan penyelesaian inovatif yang memberi manfaat kepada rakyat.

Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini merupakan penambahbaikan Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) 2024, dengan peruntukan fasa pertama sebanyak RM2.5 juta kepada Universiti Islam Selangor (UIS) dan Universiti Selangor (UNISEL), manakala RM1 juta lagi dibuka kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara pada fasa kedua.



SELidik 2026 memberi keutamaan kepada penyelidikan berimpak tinggi dalam menangani cabaran pembangunan negeri, termasuk perumahan mampu milik, kelestarian alam sekitar, pendigitalan serta pembangunan ekonomi dan sosial.

Hasil penyelidikan disasarkan untuk diterjemahkan kepada dasar dan penyelesaian praktikal, sejajar dengan aspirasi Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026–2030 serta sasaran ekonomi Selangor bernilai RM600 bilion menjelang 2030.

Penglibatan Yayasan Selangor dalam menyokong inisiatif ini memperkukuh peranannya sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam agenda pembangunan pendidikan, penyelidikan dan modal insan.

Usaha ini turut mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam memperluas jaringan kerjasama institusi pendidikan tinggi bagi memacu inovasi, membangunkan bakat berdaya saing dan menyumbang kepada kemajuan serta kesejahteraan rakyat Selangor.

YAYASAN SELANGOR, KOLEJ YAYASAN SAAD PERKUKUH KERJASAMA PEMBANGUNAN BAKAT CEMERLANG



Usaha memperkasa pembangunan bakat dan kecemerlangan pendidikan anak Selangor terus diperkukuh menerusi kunjungan hormat delegasi Kolej Yayasan Saad, Melaka (KYSM) ke Yayasan Selangor pada 10 September 2026 bagi mempererat kerjasama strategik antara kedua-dua institusi.

Delegasi KYSM disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah bin Raja Mohamad bersama wakil Bahagian Pengurusan Operasi Pendidikan. Pertemuan ini memberi tumpuan kepada perkongsian pencapaian murid Program Bitara Yayasan Selangor yang mengikuti pengajian di KYSM.



Perbincangan turut meneroka potensi peluasan kerjasama dan penajaan pendidikan bagi membuka lebih banyak peluang kepada murid berpotensi tinggi untuk mendapat akses pendidikan berkualiti, di samping memperkukuh pembangunan akademik, sahsiah dan kepimpinan.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam memperluas jaringan institusi pendidikan serta memperkasa Program Bitara sebagai platform pembangunan bakat cemerlang, sekali gus melahirkan generasi berilmu, berdaya saing dan berkeupayaan menyumbang kepada kemajuan negeri Selangor.





400 PELAJAR DIRAI DALAM MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR

Seramai 400 pelajar cemerlang diraikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Yayasan Selangor (AKPYS) bagi Sesi Akademik 2023 dan 2024 sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik, kesungguhan dan potensi mereka dalam bidang pendidikan.



Daripada jumlah tersebut, 179 pelajar menerima anugerah bagi Sesi Akademik 2023, manakala 221 pelajar diraikan menerusi 13 kategori anugerah bagi Sesi Akademik 2024. Majlis turut memberikan pengiktirafan kepada 12 mahasiswa penerima Biasiswa Future Leaders YTM–YS hasil kerjasama strategik antara Yayasan Telekom Malaysia dan Yayasan Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad, menegaskan bahawa pendidikan merupakan pelaburan strategik dalam meningkatkan mobiliti sosial dan melahirkan generasi berdaya saing. Penguasaan kemahiran masa hadapan, khususnya teknologi digital, kecerdasan buatan (AI) dan automasi, turut menjadi keutamaan bagi mempersiapkan pelajar menghadapi perubahan landskap ekonomi dan pekerjaan.

Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan usaha berterusan Yayasan Selangor dalam memperkasa potensi pelajar menerusi Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS) dan Program High Potential Students (HIPERS). Selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri, Yayasan Selangor terus komited memperluas akses pendidikan berkualiti dan inklusif bagi melahirkan generasi berilmu, berkemahiran serta berupaya menyumbang kepada pembangunan Selangor.





YAYASAN SELANGOR PERKUKUH HUBUNGAN STRATEGIK BERSAMA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI

Hubungan strategik antara Yayasan Selangor dan Pentadbiran Kerajaan Negeri terus diperkukuh menerusi kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad kepada YBhg. Dato' Amirul Azizan Abd Rahim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan).



Pertemuan ini menjadi platform perkongsian perkembangan semasa, pencapaian serta hala tuju strategik Yayasan Selangor, di samping membincangkan usaha memperkukuh tadbir urus, kecekapan pengurusan organisasi dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Perbincangan turut memberi penekanan kepada kepentingan penyelarasan antara Yayasan Selangor dan Pentadbiran Kerajaan Negeri bagi memastikan pelaksanaan inisiatif pendidikan serta pembangunan modal insan terus memenuhi keperluan rakyat dan aspirasi pembangunan Selangor.

Kunjungan ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dalam memperkukuh hubungan institusi dan kerjasama rentas agensi, sekali gus memantapkan peranannya sebagai agensi peneraju pendidikan negeri yang progresif, berdaya saing dan berorientasikan kesejahteraan rakyat.





YAYASAN SELANGOR PERKUKUH AGENDA PENYELIDIKAN NEGERI MENERUSI GERAN SELidik 2026

Usaha memperkasa penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi terus dipergiat menerusi Geran Penyelidikan dan Inovasi Pembangunan Negeri Selangor (SELidik) 2026, sebuah inisiatif strategik Kerajaan Negeri Selangor bagi menyokong pembangunan negeri yang mampan, inklusif dan berdaya saing.

Sebanyak RM3.5 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi pelaksanaan geran ini, merangkumi RM2.5 juta kepada Universiti Islam Selangor (UIS) dan Universiti Selangor (UNISEL), manakala RM1 juta diperuntukkan bagi penyelidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara.

Yayasan Selangor memainkan peranan dalam menyalurkan peruntukan Kerajaan Negeri kepada institusi pengajian tinggi penerima geran, sekali gus menyokong pelaksanaan penyelidikan berkualiti yang berpotensi menghasilkan inovasi dan penyelesaian praktikal terhadap cabaran pembangunan negeri.

Penglibatan ini memperkukuh peranan Yayasan Selangor sebagai agensi yang menyokong agenda pendidikan dan pembangunan modal insan Kerajaan Negeri. Yayasan Selangor turut merakamkan tahniah kepada para penyelidik yang menerima tawaran geran serta berharap hasil penyelidikan dapat diterjemahkan kepada penyelesaian berimpak tinggi demi kemajuan dan kesejahteraan rakyat Selangor.







YAYASAN SELANGOR, ASIA e UNIVERSITY METERAI MoU PERKASA KEMAHIRAN STRATEGIK DAN KEUSAHAWANAN

Kerjasama strategik antara Yayasan Selangor dan Asia e University (AeU) kini memasuki fasa baharu menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pelaksanaan Program Pembangunan Kemahiran Strategik dan Keusahawanan (PROSPEK) yang berlangsung di Knowledge Centre, Asia e University. Pemeteraian ini merupakan kesinambungan daripada siri perbincangan dan penerokaan kerjasama yang telah diadakan sebelum ini bagi memperluas peluang pembangunan modal insan di Selangor.



Program PROSPEK memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran strategik, latihan profesional dan pemerkasaan keusahawanan bagi meningkatkan kompetensi serta kebolehpasaran tenaga kerja. Inisiatif ini turut membuka ruang kepada pembangunan bakat yang lebih responsif terhadap keperluan industri dan perubahan landskap ekonomi digital.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad dalam ucapannya menekankan kepentingan kerjasama institusi pendidikan dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

Majlis turut dihadiri Presiden Pengasas AeU, Professor Dato' Dr. Ansary Ahmed; Naib Canselor AeU, Professor Dr. Noor Raihan serta barisan pengurusan tertinggi kedua-dua organisasi.

Pemeteraian MoU ini memperkukuh peranan Yayasan Selangor dalam memperluas skop pembangunan pendidikan melangkaui kecemerlangan akademik kepada latihan kemahiran dan keusahawanan berorientasikan industri. Melalui PROSPEK, Yayasan Selangor komited membangunkan ekosistem pembelajaran sepanjang hayat yang inklusif, sekali gus menyokong aspirasi Kerajaan Negeri dalam melahirkan tenaga kerja kompeten serta memacu pertumbuhan sosioekonomi Selangor.





YAYASAN SELANGOR DINOBATKAN JOHAN PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-69 PERINGKAT NEGERI SELANGOR



Kontinjen Yayasan Selangor mencipta kejayaan membanggakan apabila dinobatkan sebagai Johan Perbarisan Kategori Swasta, NGO, GLC dan Badan Berkanun sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-69 Peringkat Negeri Selangor Tahun 2026, sekali gus mengharumkan nama organisasi di peringkat negeri.

Kejayaan tersebut melayakkan kontinjen Yayasan Selangor membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 yang disampaikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



Pencapaian ini merupakan hasil komitmen, disiplin dan semangat berpasukan tinggi yang dipamerkan oleh 41 peserta, terdiri daripada murid Asrama Yayasan Selangor Klang dan kakitangan Yayasan Selangor. Penyertaan ini turut mencerminkan semangat patriotisme, kerjasama serta kesepaduan warga organisasi dalam menjayakan sambutan bersejarah negara.

Yayasan Selangor merakamkan penghargaan kepada seluruh peserta, ketua kontinjen, jurulatih, urus setia dan semua pihak yang menyumbang kepada kejayaan ini. Pencapaian tersebut bukan sahaja menjadi kebanggaan organisasi, malah mencerminkan budaya kecemerlangan, disiplin dan semangat kebersamaan yang terus diterapkan dalam kalangan warga Yayasan Selangor.

E-NEWSLETTER

RAKAN STRATEGIK

TABUNG PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR



Yayasan Selangor mengalu-alukan sumbangan daripada orang ramai, sektor swasta dan organisasi korporat ke Tabung Pendidikan Yayasan Selangor sebagai usaha bersama memperkasa akses pendidikan berkualiti untuk murid yang memerlukan di negeri Selangor. Sumbangan yang disalurkan ke tabung ini layak mendapat pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.




Untuk maklumat lanjut mengenai Tabung Pendidikan Yayasan Selangor, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat
Tel : 03- 76691 1118 / 210
Emel : kke@yselangor.com



Yayasan Selangor telah ditubuhkan pada 5 November 1970 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan *(Company Limited By Guarantee)* tanpa modal saham. Penubuhannya bertujuan untuk menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti bagi rakyat negeri Selangor, khususnya golongan berpendapatan rendah yang memiliki potensi cemerlang.

Sejak penubuhannya, Yayasan Selangor kekal komited dalam memainkan peranan strategik membangunkan modal insan negeri melalui pelbagai program pendidikan inklusif dan berimpak tinggi. Menerusi pendekatan ini, Yayasan Selangor terus menjadi pemangkin utama dalam memperkasa generasi muda demi masa depan Selangor yang lebih gemilang.



IMBAS SAYA

SCAN ME

YAYASAN SELANGOR
10096-K

Bahagian Komunikasi Korporat
Menara Yayasan Selangor,
Tingkat 14,
No 18 A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Yayasan Selangor Yayasanselangorofficial yselangorportal YS TikTok